

## GEJALA RASUAH DAN IMPLIKASI TERHADAP MASYARAKAT MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

### *The Symptoms Of Corruption And Implications For The Malaysian Community According To The Shariah Perspective*

Azman Ab Rahman<sup>1a\*</sup>, Md Yunus Abd. Aziz<sup>2b</sup>, Ahmad Zaki Bin Salleh<sup>3c</sup> & Anis Nabilah Kamarulzaman<sup>4d</sup>

<sup>a</sup>Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA,

Emel: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

<sup>b</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [yunus@usim.edu.my](mailto:yunus@usim.edu.my)

<sup>c</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [ahmadzaki@usim.edu.my](mailto:ahmadzaki@usim.edu.my)

<sup>d</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [anisbella49@gmail.com](mailto:anisbella49@gmail.com)

\*Corresponding Author: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

Received: 12 May 2023

Accepted: 15 May 2023

Published: 22 May 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.538>

Abstrak	Abstract
<p>Rasuah dalam kalangan masyarakat Malaysia pada masa kini semakin berleluasa tidak kira daripada sektor penjawat awam atau swasta. Pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani isu rasuah di Malaysia namun masih tidak boleh dibendung. Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan statistik tangkapan kes rasuah meningkat sebanyak 6.38% iaitu 909 kes pada tahun 2022 berbanding 851 kes pada tahun 2021. Ini menunjukkan kajian berkaitan gejala rasuah adalah perlu seiring dengan peredaran zaman. Justeru, artikel ini bertujuan membincangkan mengenai konsep rasuah menurut syariat Islam. Artikel ini juga akan mengkaji faktor-faktor gejala rasuah di Malaysia selain meneliti implikasi</p>	<p>Whether in the public or private sector, corruption in the Malaysian community is increasing at an alarming rate at present. The Malaysian government has taken a number of steps to combat corruption, but the problem remains uncontained. According to the report of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), the number of arrests for corruption increased by 6.38 percent from 851 in 2021 to 909 in 2022, for a total of 909 cases. This demonstrates that studies on the symptoms of corruption are required to stay current. Consequently, the purpose of this article is to examine the concept of corruption in the Islamic Sharia. In addition to examining the effects of corrupt practises on Malaysian society, this article will also investigate the</p>

<p>amalan rasuah terhadap masyarakat di Malaysia. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data. Hasil kajian mendapati amalan rasuah bertentangan dengan syariat Islam. Antara faktor yang mempengaruhi gejala ini masih berlaku adalah disebabkan nilai integriti yang rendah, tekanan kewangan serta kejahilan terhadap ilmu agama. Implikasi gejala rasuah juga menjadikan kepercayaan dan keyakinan masyarakat berada di tahap yang rendah, meningkatkan jurang sosioekonomi dan kadar kemiskinan masyarakat di Malaysia. Hasil kajian juga mencadangkan agar aspek pendidikan diberikan penekanan kepada nilai-nilai moral dan etika bagi membantu memupuk sikap jujur dan berintegriti dalam diri masyarakat agar gejala rasuah dapat dikurangkan dari masa ke semasa. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak yang bertanggungjawab bagi membendung jenayah rasuah untuk menjamin masyarakat di Malaysia bebas daripada gejala rasuah.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> Rasuah, Malaysia, Masyarakat</p>	<p>causes of corruption's symptoms in the country. The data acquisition process for this qualitative study involves document analysis and observation. Corruption is prohibited by Islamic law, according to the findings of the study. Low integrity values, financial duress, and lack of religious knowledge are factors that continue to influence this phenomenon. As a result of the community's low level of trust and confidence, the socioeconomic divide and poverty rate in Malaysia have increased. The results of the study also suggest that an emphasis should be placed on moral and ethical values in education in order to cultivate an attitude of honesty and integrity in the community so that the symptoms of corruption can be reduced over time. It is anticipated that the parties responsible for combating corruption crimes will use this study as a reference and a guide in order to rid society of corruption's effects.</p> <p><b>Keywords:</b> Bribery, Malaysia, and Social Structure</p>
--	--

## 1. PENGENALAN

Gejala rasuah di Malaysia pada masa kini semakin berlelusa. Statistik tangkapan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah mendapati purata gejala rasuah semakin meningkat selepas perintah kawalan pergerakan Malaysia (PKP) pada tahun 2020 sehingga 2021. Pada tahun 2022 statistik menunjukkan kes rasuah meningkat kepada 6.38% iaitu 909 kes berbanding tahun sebelumnya iaitu 851 kes (SPRM, 2023). Selain itu, dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 yang dikeluarkan *Transparency International* (TI) mendapati Malaysia berada di kedudukan ke-61 daripada keseluruhan 180 negara berbanding tangga ke-62 pada tahun 2021. Menurut Presiden TI-Malaysia (TI-M), Muhammad Mohan berkata, Malaysia jatuh satu mata iaitu 48 mata pada tahun 2021 kepada 47 mata pada tahun 2022 (Rahimah Abdullah, 2023). Berdasarkan skor CPI, lebih rendah skor yang direkodkan, lebih tinggi kes rasuah berlaku di sesebuah negara manakala lebih tinggi skor yang

direkodkan, lebih bersih sesebuah negara itu daripada amalan rasuah. Hal ini menunjukkan bahawa kes gejala rasuah di Malaysia semakin meningkat pada tahun ke tahun. Gejala rasuah ini jika tidak dibendung dapat memberikan impak yang besar dalam sebuah negara dari sudut sosial, ekonomi mahupun dari segi keamanan negara.

Rasuah ini boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan yang menyalahi undang-undang dan jika didapati bersalah maka perlaku akan dikenakan tindakan undang-undang menurut akta yang telah ditetapkan (Syaripah Aaisyah, 2017). Menurut Islam, rasuah ini adalah satu perbuatan yang melanggar perintah Allah dan perkara ini tidak boleh dilakukan oleh seseorang yang beragama Islam. Rasuah ini pada umumnya adalah memberikan suapan atau ganjaran kepada seseorang sebagai balasan (Nur Syakiran dan Md Zawawi, 2004). Ciri-ciri penerimaan rasuah termasuk melibatkan tindakan yang tidak beretika, seperti menerima hadiah atau wang untuk mempengaruhi keputusan atau pelaksanaan yang tidak sepatutnya. Selain itu, penerima rasuah biasanya mempunyai kedudukan yang penting atau mempunyai kuasa untuk mempengaruhi keputusan. Penglibatan rasuah tidak terhad kepada sektor awam sahaja, tetapi juga melibatkan sektor swasta. Rasuah dalam sektor swasta sering melibatkan pemberian dan penerimaan suap, seperti memberikan wang atau hadiah kepada pihak yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi keputusan perniagaan. Rasuah juga sering berlaku dalam sektor-sektor yang berkaitan dengan perolehan kontrak, seperti dalam pembinaan infrastruktur dan projek-projek pembangunan. Di samping itu, rasuah juga boleh terjadi dalam sektor kesihatan, seperti pemberian suap kepada doktor untuk memperoleh perkhidmatan yang lebih cepat atau lebih baik.

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dalam bentuk pemerhatian dan analisis dokumen. Data-data yang dikumpulkan melalui sumber dokumen, tesis, buku dan artikel yang berkaitan. Selain itu, data daripada laman sesawang juga digunakan bagi mengumpul maklumat berkaitan gejala rasuah dan implikasinya terhadap masyarakat. Pengumpulan data ini menggunakan kaedah pemerhatian iaitu menghuraikan terperinci tentang situasi, keadaan, interaksi dan tingkah laku di lapangan manakala kaedah analisis dokumen ialah mengumpulkan dan analisis setiap data yang dikumpulkan bagi menapis maklumat mengenai penyelidikan yang berkaitan. Maklumat yang telah ditapis akan dibahagikan mengikut tema kajian.

### 3. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini akan menjelaskan konsep rasuah menurut syariah Islam, faktor- faktor gejala rasuah serta implikasi amalan rasuah terhadap masyarakat di Malaysia seperti berikut:

#### 3.1 *Konsep Rasuah Menurut Syariat Islam*

Perkataan rasuah berasal daripada perkataan Arab iaitu “rasha” yang bermaksud tali yang diikat pada timba bagi mengambil air daripada perigi. Jika dikaitkan dengan perbuatan rasuah ia bermaksud cara yang digunakan oleh seseorang untuk mencapai matlamatnya (Shofian, 2008). Penggunaan perkataan “rasuah” dalam konteks Arab telah memberikan makna yang cukup jelas mengenai perbuatan tersebut. Menurut konsep syariat Islam, rasuah termasuk dalam kategori perbuatan haram dan berdosa. Islam mengajarkan nilai-nilai kejujuran, amanah, dan keadilan yang harus dijunjung tinggi dalam kehidupan bermasyarakat. Rasuah ini hanya mendatangkan keburukan walaupun ada pihak yang menilainya sebagai “manfaat” bagi mereka (Azhar Ghazali, 1992). Oleh kerana itu, perbuatan rasuah harus dihindari dan perlu diberi penekanan yang kuat untuk membendung gejala rasuah.

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) maksud rasuah ialah pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap) manakala rasuah Syed Hussein Alattas (1995) dalam bukunya merupakan bentuk penyalahgunaan kuasa yang memberi keuntungan kepada individu secara tidak sah. Merujuk pada konteks yang lebih luas melalui *Transparency International*, rasuah juga dapat merujuk kepada setiap bentuk perilaku yang tidak beretika dan tidak jujur yang bertujuan untuk memperoleh keuntungan atau keuntungan peribadi. Selain itu, konsep rasuah menurut Syariat Islam adalah dilarang sama sekali. Rasuah dipandang sebagai perbuatan haram yang dapat menimbulkan kesan buruk terhadap individu dan masyarakat. Di dalam Islam, rasuah dianggap sebagai perbuatan yang tidak adil, tidak beretika, dan merosakkan sistem keadilan.

Allah berfirman:

*“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.*

(Surah al-Baqarah 2:188)

Merujuk pada ayat diatas, Allah SWT melarang umat Islam daripada mengambil harta orang lain secara tidak adil dan juga memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana memperoleh keuntungan secara salah dan berdosa melakukannya. Amalan rasuah tidak hanya bertentangan dengan nilai moral dan etika tetapi juga bertentangan dengan ajaran Islam yang menggalakkan keadilan dan kesaksamaan dalam semua aspek kehidupan. Menurut buku al-Mu'amalat yang ditulis oleh Ali Fikri menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan 'al-batil' di dalam ayat 188 surah Al- Baqarah adalah segala jenayah yang melanggar syarak seperti rasuah, curi, merompak, mengambil hak orang lain, menipu dalam perniagaan dan sebagainya.

Pengharaman rasuah dalam Islam juga ditekankan kerana ia memberi kesan yang buruk kepada ekonomi dan masyarakat. Amalan rasuah menyebabkan kerugian ekonomi negara dan menjejaskan integriti institusi-institusi awam. Selain itu, rasuah juga menyebabkan ketidakadilan dalam sistem sosial dan ekonomi, memupuk keengganan untuk bersaing secara seimbang dan memperlekehkan nilai-nilai moral yang diamalkan oleh masyarakat. Oleh itu, menerapkan anti-rasuah dalam diri masyarakat dan kerajaan adalah sangat penting dalam membina masyarakat yang adil dan sejahtera.

Manakala hadith daripada Rasulullah SAW menjelaskan pengharaman rasuah dan pemberi dan penerima rasuah akan dilaknati oleh Allah. Abu Hurairah R.A meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

*“Allah melaknat pemberi dan penerima rasuah dalam sesuatu hukuman”*

(Riwayat Tarmizi, Ahmad & Ibn Majah)

Hadith riwayat Abu Daud, Rasulullah SAW telah bersabda:

*“Sesiapa sahaja yang telah kami lantik untuk memegang sesuatu jawatan atau kerja dan kami telah tetapkan pendapatannya atau gaji maka apabila ia mengambil lebih dari apa yang ditetapkan, itu dikira sebagai satu penipuan dan rasuah”*

Imam al-Ghazali (1986) berpesan dalam kitabnya, Ihya, Ulum al-Din:

*“Apabila larangan (rasuah) itu begitu tegas, maka sepatutnya seorang hakim atau penguasa dan yang seumpamanya sentiasa memperkira-kira dirinya. Kalaulah (hadiah yang diterima) akan terus diterimanya walaupun selepas dia meletakkan jawatannya, maka bolehlah diterimanya walaupun ketika dia sedang memegang jawatan itu. Tetapi*

*sekiranya pemberian itu kerana jawatannya, dan tidak akan diterima lagi selepas dia meletakkan jawatannya, maka haram dia menerimanya..."*

Menurut pengarang kitab Subul al- Salam bahawa riba dan rasuah mempunyai kesan yang sama iaitu mengambil harta orang lain yang boleh disamakan dengan perbuatan riba. Manakala hadiah menurut beliau juga boleh disamakan dengan menerima rasuah. Penulis- penulis Islam telah bersepakat bahawa memberikan hadiah kepada hakim adalah sejenis rasuah kerana orang yang memberikan hadiah itu hanya akan memberikan apabila mempunyai maksud dan tujuan tertentu. Rasulullah S.A.W bersabda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Haulah al- Ansoriah yang bermaksud:

*"Sesungguhnya orang yang memperolehi harta Allah dengan jalan yang tidak halal maka nerakalah tempat tinggalnya pada hari kiamat"*

Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Haulah al-Ansoriah, Rasulullah S.A.W menyatakan bahawa orang yang memperoleh harta Allah dengan cara yang tidak halal akan mendapatkan hukuman di akhirat. Hal ini menegaskan pentingnya memperoleh harta dengan cara yang halal dan menghindari riba dan rasuah yang melibatkan pengambilan harta orang lain secara tidak sah. Riba dan rasuah dalam agama Islam dianggap sebagai perbuatan yang tidak dibenarkan kerana keduanya melibatkan pengambilan harta orang lain secara tidak sah.

### **3.2 Faktor- Faktor Gejala Rasuah Di Malaysia**

Penelitian menunjukkan bahawa ada faktor internal dan eksternal yang menyebabkan seseorang melakukan tindakan rasuah. Faktor internal meliputi peluang, kelemahan pribadi, dan kurangnya integriti dalam diri seseorang. Sementara itu, faktor eksternal yang mempengaruhi perilaku rasuah meliputi gaji yang rendah, tekanan kewangan dan pekerjaan yang tinggi, serta kebijakan negara yang kurang efektif dalam mengatasi rasuah. Justeru, terdapat kepentingan kepada pemerintah dan institusi terkait untuk memperbaiki faktor eksternal seperti peningkatan gaji, pengurangan tekanan kewangan dan pekerjaan serta tindakan denda yang efektif untuk mengurangi faktor luaran yang mempengaruhi perilaku rasuah. Selain itu, individu juga harus meningkatkan integriti dan moral mereka agar terhindar daripada godaan rasuah dan tindakan yang merugikan masyarakat dan negara secara keseluruhan.

Faktor dalaman yang menyebabkan seseorang melakukan rasuah adalah berkaitan dengan diri individu itu sendiri. Salah satu faktor tersebut adalah

tidak mempunyai jati diri yang kuat dan disiplin kerja yang rendah. Individu yang tidak mempunyai jati diri yang kuat cenderung untuk mudah terpengaruh dengan persekitarannya dan kurang berpegang kepada nilai-nilai yang benar. Selain itu, kurangnya disiplin dalam menjalankan kerja juga boleh menjadi faktor dalaman yang menyebabkan seseorang melakukan rasuah. Individu yang kurang disiplin dalam menjalankan kerja akan mudah tergoda untuk melanggar prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Hal ini disebabkan kerana mereka mempunyai kesedaran yang minima hadith untuk mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

### **3.2.1 Nilai Integriti Yang Rendah**

Integriti berasal daripada perkataan latin 'integer' yang bermaksud menyeluruh, sempurna, dan kesatuan yang teguh (Widang & Fridlund, 2003). Menurut beberapa perspektif, integriti boleh diklasifikasikan kepada ketekalan nilai peribadi, komitmen terhadap nilai peribadi, komitmen terhadap nilai komuniti, dan komitmen terhadap nilai-nilai murni (Stanford Encyclopedia of Philosophy, 2013). Integriti juga boleh dianggap sebagai tahap atau keadaan keseimbangan di antara ruang peribadi, autonomi, dan nilai individu. Roberts (1994), menakrifkan sebagai kesatuan di antara komitmen sepenuhnya kepada nilai yang dipegang dalam setiap ucapan dan tindakan seseorang. Integriti berkait rapat dengan pembentukan dan pengukuhan etika yang baik dan melaksanakan perkara yang betul (Musatafar, 2004). Integriti juga didefinisikan sebagai kepercayaan terhadap komitmen dan kemampuan seseorang memelihara moral diri tanpa sebarang kompromi dan menerangkan elemen tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil, kejujuran, dan kebolehppercayaan di tempat kerja (Mehrabian, 2000).

Kekurangan integriti dalam diri juga menjadi faktor dalaman yang menyebabkan seseorang melakukan rasuah. Individu yang tidak berintegriti akan cenderung untuk melakukan tindakan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip moral dan etika yang sepatutnya diamalkan. Menurut pandangan Trevino (1986) dan Suhardi (2016), faktor individu merujuk kepada keadaan dalaman seseorang seperti sikap, nilai, dan personaliti yang mempengaruhi tingkah laku seseorang. Sementara itu, faktor situasi merujuk kepada keadaan luaran seperti tekanan dari rakan sekerja, tuntutan kerja, atau tekanan dari organisasi yang mempengaruhi tindakan seseorang. Mereka tidak mempunyai kesedaran untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan serta tidak memikirkan akibat yang akan timbul akibat dari tindakan mereka.

Sementara itu, pandangan Azizi (2008) menunjukkan bahawa faktor persekitaran luar dan dalam diri sendiri mempengaruhi pembentukan moral seseorang. Faktor persekitaran luar mencakupi kebudayaan, agama, nilai masyarakat, dan faktor luaran lain yang mempengaruhi seseorang. Kepentingan integriti kepada perkhidmatan awam adalah untuk mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin menerusi penerapan nilai-nilai murni yang dapat mengatasi masalah dan kelemahan dalam pelbagai aspek pemerintahan seperti pengurusan kewangan, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundangan serta agama (Jamiah et al., 2004).

### **3.2.2 Tekanan Kewangan**

Tekanan kewangan juga boleh menjadi faktor yang menyebabkan seseorang melakukan rasuah. Individu yang menghadapi tekanan kewangan yang tinggi mungkin merasakan bahawa tidak mampu memenuhi keperluan hidup mereka dengan hanya bergantung pada gaji yang rendah. Kos sara hidup semakin meningkat dari hari ke hari menyumbang kepada tekanan kewangan bagi yang berpendapatan rendah dan mempunyai tanggungan yang ramai (Sofea, 2021). Dr Anas Afandi Ahmad, seorang pensyarah di Universiti Xiamen Malaysia, berpendapat bahawa beberapa pekerja mungkin terpaksa melakukan rasuah akibat tekanan di dalam industri tertentu (Mukhriz, 2022).

Tekanan ini biasanya terjadi ketika sebuah syarikat menetapkan sasaran pencapaian yang terlalu tinggi atau tidak realistik yang perlu dicapai walaupun dengan cara apa pun. Rasuah kemudian digunakan sebagai cara untuk mendapatkan tender atau projek supaya prestasi tahunan dapat dicapai seperti yang diinginkan oleh industri. Menurut Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), terdapat juga pekerja kerajaan yang mengalami tekanan seperti halangan kenaikan pangkat, pertukaran dan gangguan dalam jadual pekerjaan yang menyebabkan mereka tidak berani melaporkan aktiviti rasuah di dalam syarikat mereka yang melibatkan pihak atasan. Hal ini menjadi punca laporan kes rasuah yang sukar dikesan dalam kalangan penjawat awam yang rendah.

### **3.2.3 Kejahilan Dalam Ilmu Agama**

Kejahilan atau kurangnya pendidikan dan kesadaran hukum dapat menjadi faktor pendorong gejala rasuah. Ini kerana individu yang kurang terdidik atau tidak memahami konsekuensi hukum dari tindakan rasuah

cenderung lebih mudah tergoda untuk melakukan tindakan yang melanggar etika dan hukum. Selain itu, kurangnya akses atau pemahaman terhadap sumber daya dan informasi juga dapat menyebabkan seseorang tergoda untuk melakukan tindakan rasuah.

Kejahilan terhadap hukum agama merupakan salah satu pendorong dalam faktor gejala rasuah. Hal ini kerana, apabila seseorang itu jahil mengenai hukum agama maka mereka akan bekerja hanya semata-mata kerana gaji tanpa memikirkan hukum agama sedangkan sebagai seorang yang beragama Islam mestilah berpaksikan kepada hukum agama dalam setiap pekerjaan yang dilakukan (Nor Najdah, 2008). Oleh hal yang demikian, Ibn Khaldun meletakkan peranan agama merupakan sesuatu perkara yang penting dalam membentuk peradaban. Baginya agama merupakan satu dasar peradaban yang luas dan hebat. Apabila agama tidak dijadikan satu keutamaan maka akan berlaku banyak kerosakkan adab dan nilai-nilai murni dalam diri seorang yang beragama Islam. Dengan demikian, agama merupakan suatu kekuatan yang dapat menentukan perjalanan sejarah manusia (al- Syak'ah, 1986:79)

Namun, penting untuk dicatat bahawa tidak semua kejahilan menyebabkan gejala rasuah dan tidak semua tindakan rasuah dilakukan oleh individu yang kurang terdidik. Terdapat banyak faktor yang dapat mempengaruhi kecenderungan seseorang untuk melakukan tindakan rasuah termasuk tekanan sosial, kekuasaan, kesempatan dan lingkungan kerja yang tidak etis. Oleh kerana itu, untuk memerangi gejala rasuah, ia memerlukan pendidikan yang lebih baik dan upaya yang tinggi untuk memperkuat tahap kesedaran dan memberi hukuman yang setimpal. Secara keseluruhan, faktor individu, faktor situasi serta faktor persekitaran luar dapat mempengaruhi tingkah laku dan pembentukan moral seseorang. Oleh itu, penting bagi seseorang untuk mempertimbangkan semua faktor ini ketika membuat keputusan dan bertindak dalam kehidupan sehari-hari.

### **3.3 Implikasi Amalan Rasuah Terhadap Masyarakat Di Malaysia**

Amalan rasuah mempunyai implikasi yang negatif dan merosakkan terhadap masyarakat di Malaysia. Ia juga merosakkan sistem ekonomi dan sosial dengan memberikan kelebihan tidak adil kepada individu atau

organisasi yang membayar rasuah dan merugikan mereka yang tidak mampu membayar atau menolak untuk membayar.

### **3.3.1 Merendahkan Tahap Kepercayaan Dan Keyakinan Masyarakat**

Impak yang bakal dihadapi oleh sesebuah negara apabila gejala rasuah berleluasa antaranya adalah merosakkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi dan pemimpin negara. Pandangan ini selari dengan Nurhafilah (2014) yang menghuraikan impak rasuah dalam perhubungan sosial kerana amalan tersebut secara tidak langsung telah mencipta ketidakadilan dan mengakis kepercayaan dalam masyarakat. Hal ini dapat menyebabkan ketidakstabilan politik dan sosial serta menyebabkan ketidakadilan dalam sistem. Meningkatkan biaya hidup dan menjejaskan ekonomi negara. Amalan rasuah seringkali berkaitan dengan peraturan dan hukuman yang tidak adil dan berpihak kepada individu atau organisasi tertentu yang akhirnya merugikan masyarakat secara keseluruhan. Perkara ini akan memperburuk situasi di negara tersebut dan mengurangi keamanan dan kesejahteraan masyarakat.

### **3.3.2 Meningkatkan Jurang Sosioekonomi**

Amalan rasuah menyebabkan pemimpin dan individu yang terlibat menjadi kaya sementara rakyat biasa dan golongan yang kurang bernasib baik semakin terjejas. Ini akan meningkatkan jurang sosioekonomi dalam masyarakat dan menjejaskan kesetaraan ekonomi. Menurut Fahim A. Al-Marhubi (2000), rasuah adalah penyebab kepada kelemahan dalam makroekonomi seperti kekurangan pelaburan dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lembab. Kesan gejala rasuah ini sekaligus dapat menghalang pembangunan ekonomi dan sosial. Pelabur asing mungkin tidak berminat untuk melabur dalam negara yang dipercayai mempunyai amalan rasuah yang tinggi dan sistem yang tidak berkesan. Ini menyebabkan negara kekurangan pelaburan dan tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk membangun infrastruktur yang diperlukan untuk memajukan ekonomi. Selain itu, dapat menghambat pembangunan ekonomi. Pengamalan rasuah yang meluas dapat menghambat investasi dan pertumbuhan ekonomi. Hal ini dapat menyebabkan hilangnya peluang kerja dan pendapatan serta menyebabkan kemunduran ekonomi yang lebih besar.

### **3.3.3 Meningkatkan Kadar Kemiskinan**

Senada dengan itu, Noraida Harun (2017) menegaskan, rasuah selain melebarkan jurang perbezaan antara golongan miskin dan kaya, jenayah ini

juga amat menekan golongan miskin dan menutup hak yang sepatutnya menjadi milik mereka. Amalan rasuah memungkinkan orang yang berpengaruh dan kaya untuk mendapatkan keuntungan yang tidak adil, sementara orang yang kurang beruntung atau yang tidak memiliki kekuasaan atau sumber daya kewangan yang stabil akan terus ketinggalan. Hal ini menyebabkan ketidaksetaraan sosial yang lebih besar dan meningkatkan angka kemiskinan. Selain itu, gejala rasuah ini juga dapat mengakibatkan pengalihan dana kewangan yang seharusnya digunakan untuk memperbaiki infrastruktur, membantu masyarakat, dan program-program sosial kepada individu atau kelompok yang tidak bertanggungjawab atau tidak mempunyai kepentingan. Hal ini dapat menyebabkan pengabaian terhadap kepentingan rakyat dan meningkatkan kadar kemiskinan yang semakin tinggi.

Oleh itu, kesedaran dan tindakan perlu diambil untuk membendung gejala rasuah ini. Pemerintah harus memastikan adanya pengawasan yang ketat dan sistem hukum yang adil dan efektif untuk mengambil tindakan terhadap pelaku rasuah, sementara masyarakat harus mengambil peranan aktif dalam menolak dan melaporkan aktiviti rasuah yang terjadi. Hal ini perlu dilakukan bagi peningkatan kualiti pendidikan dan kesedaran moral dalam masyarakat agar nilai integriti dan kejujuran menjadi bagian dari budaya yang diamalkan oleh seluruh elemen masyarakat.

#### **4. PERBINCANGAN**

##### **4.1 *Cadangan Penyelesaian Isu Gejala Rasuah Menurut Islam***

Penyelesaian dalam mengelakkan penularan kes rasuah ini adalah menanam nilai kesedaran mengenai gejala rasuah dan memupuk semangat anti rasuah dalam diri masyarakat dan juga kerajaan, memperketat peraturan dan undang-undang serta menekankan penerapan nilai-nilai Islam.

##### **4.1.1 *Menanam Sifat Anti Rasuah Dalam Diri Individu***

Bagi mencegah dan memerangi perbuatan rasuah dalam masyarakat, banyak amalan yang dapat diterapkan untuk mengekang gejala rasuah. Setiap individu harus mengelakkan diri daripada terjebak dalam gejala rasuah dengan mengamalkan nilai-nilai kejujuran dan amanah. Selain itu, sistem keadilan yang baik dan kuat dalam badan kehakiman perlu diselaraskan dan dipertingkatkan. Pengawasan yang ketat dan telus terhadap urusan niaga dan penggunaan dana awam perlu diwujudkan bagi membanteras gejala ini daripada berleluasa. Masyarakat juga perlu diberi pendidikan dan kesedaran tentang bahaya rasuah dan akibat negatif terhadap kestabilan dan

pembangunan negara. Selain itu, kerajaan perlu menjalankan inisiatif dan program anti rasuah secara proaktif dan berterusan untuk memastikan keseriusan dalam menangani isu ini.

#### **4.1.2 Menekankan Penerapan Nilai-Nilai Islam**

Menurut Islam, rasuah dianggap sebagai perbuatan yang amat dilarang dan dianggap sebagai suatu dosa besar yang membawa akibat buruk kepada individu dan masyarakat. Konsep rasuah dalam Islam adalah sebagai suatu perbuatan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan dan kebenaran serta mengganggu ketenteraman dan keharmonian masyarakat. Nooraini Othman (2009) menekankan kepentingan penerapan nilai-nilai Islam dalam diri penjawat awam memandangkan mereka adalah aset kepada pembangunan negara. Pemahaman nilai-nilai Islam juga merupakan salah satu cara untuk menghalang diri daripada melakukan jenayah yang salah seperti mengetahui nilai-nilai Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari dapat membantu seseorang untuk memahami bahaya dan akibat yang timbul akibat perbuatan rasuah. Pendidikan yang memberikan penekanan kepada nilai-nilai moral dan etika dapat membantu memupuk sikap yang jujur dan berintegriti dalam diri individu.

#### **4.1.3 Memperketat Peraturan Dan Undang-Undang**

Rasuah bukan sahaja terhad kepada pemberian wang, hadiah atau seumpamanya sahaja, tetapi juga melibatkan motif, strategi, wawasan dan aspek undang-undang (Shofian, 2008). Memperketat peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan rasuah dan memberikan hukuman yang setimpal kepada pelaku rasuah. Peraturan dan undang-undang yang ketat dapat memberikan pengajaran kepada pelaku rasuah dan memastikan bahwa mereka bertanggungjawab atas perbuatan mereka. Selain itu, menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan kewajipan penyiasatan secara berterusan. Penyiasatan yang berterusan akan membantu mengurangkan peluang untuk melakukan tindakan rasuah. Sekaligus dapat memperkukuhkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam. Kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam yang tinggi dapat membantu mengurangkan kemungkinan untuk melakukan tindakan rasuah. Selain itu, sumber-sumber awam harus dikelola dengan telus dan cekap agar dapat mengurangkan ruang untuk melakukan tindakan rasuah.

## 5. KESIMPULAN

Perbendungan gejala rasuah perlu ditangani secara proaktif oleh semua lapisan masyarakat serta pihak-pihak yang bertanggungjawab melalui pelaksanaan undang-undang di Malaysia serta amanah dan jujur dalam menjalankan tugas. Kejujuran serta amanah amat dititikberatkan dalam masyarakat agak dapat dipraktik untuk menjamin kesejahteraan negara dan bangsa. Gejala rasuah ini dapat dibendung apabila semua aspek masyarakat mengamalkan anti rasuah dalam diri mereka kerana kesedaran tentang pentingnya mempunyai jati diri yang kuat, disiplin dalam menjalankan kerja dan berintegriti untuk membantu pemulihan sosioekonomi di Malaysia. Individu perlu berpegang pada nilai-nilai yang benar dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan untuk memastikan keharmonian dan keadilan dalam masyarakat.

## 6. PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) USIM, dengan tajuk Pendekatan Bersepadu Pencegahan Rasuah Berdasarkan Kerangka Syariah Dan Perundangan Di Malaysia Ke Arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kod Penyelidikan USIM/FRGS/FSU/KPT/50922. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## 7. RUJUKAN

Al- Quran

Al-Marhubi, Fahim A. 2000. Corruption and inflation. *Economic Letters*. 66: 199-202

Al- Syak'ah Mustafa 1987M/1408H. Mu'lim Al- Hadharah Al – Islamiyyah. Beirut: Dar Al- Ilmiyy Li Al- Malyayin

Asiah Bidin, Shariffah Nuridah Aishah. (2008). Jenayah Rasuah Dan Pecah Amanah Di Kalangan Pengarah Syarikat: Mengenalpasti Punca Masalah Dan Cadangan Penyelesaiannya Menurut Islam. Kertas kerja, Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Pusat Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 15 Oktober 2008.

Azhar Ghazali. 1992. Badan Pencegah Rasuah (BPR) Peranan Dan Kewibawaannya Di Dalam Merealisasikan Tuntutan Islam: Tinjauan Dari Sudut Dakwah Islamiyah. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azrae, A. N., Megat Latif, H. H. & Mohamed, K. (2018). Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan: Satu Analisis Laporan Berita Tempatan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 218-235.

Azizi, Y. (2008). Keluarga Dalam Pembentukan Moral. *Journal of Science & Mathematics Education*

Frank, B, & Schulz, G.G. (1998). How tempting is corruption: More bad news about economists. <http://www.brainsnchips.org/mirrored/corrupt.html>.

Harun, Noraida, Jady@ Zaidi Hassim. Rasuah Dalam Pentadbiran Tanah: Penyelesaian Menurut Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*; Kuala Terengganu Vol. 15, Iss. 1, 40-54.

Ijiri, Y. (1973). A priori research in accounting: A critique. Di dalam Dopuch, N., dan Revsine, L. (Eds.). *Accounting research 1960-1970: a critical evaluation*. (20-25). Urbana, Illinois: Center for International Education and Research in Accounting.

Jain, A. K. (2001). Corruption: A review. *Journal of Economic Surveys*, 15(1), 71-121.

The World Bank. (2017). *Combatting corruption*. Dicapai dari: <http://www.worldbank.org/en/topic/governance/brief/anti-corruption>

Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman, Hanina Halimatus Saadiah Hamsatun (2007) *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Lee-Chai, A. Y., dan Bargh, J. A. (2001). *The use and abuse of power: Multiple perspectives on the causes of corruption*. USA: Psychology Press-Taylor and Francis Group.

Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali, Masir Mohamad, Wan Yusof Wan Chik, Norhilmi Muhammad, Fazida Karim. (2014). *Kualiti Hidup, Pendekatan Maqasid Syariah*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Mehrabian A (2000) *Beyond IQ: Broad-Based Measurement of Individual Success Potential or 'Emotional Intelligence'*. *Genetic, Social & General Psychology Monographs* 126 (2), p133, 107p.

Mukhriz Mat Husin. (2022). *Terpaksa ambil rasuah akibat tekanan industri*. <https://www.sinarharian.com.my/article/183314/KHAS/Sinar-Rasuah-Buster/Terpaksa-ambilrasuah-akibat-tekanan-industri>.  
*Prosiding Perkem VIII, Jilid 1 (pp. 246-253)*.

Nor Najdah Ab Rahman. 2008. *Khalifah Umar B. Abd Al- Aziz Dan Mekanisme Yang Dilaksanakan Dalam Pencegahan Rasuah (99-101H/717-720M)*.  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi

Nooraini Othman. 2009. *Keseimbangan Personaliti dan Akademik Sebagai Teras Pembangunan Modal Insan* *Jurnal HEP & Alumni UITM*, Bil 1, Januari-Februari

Noraida Harun. 2017. *Rasuah dalam pentadbiran Tanah: Penyelesaian Menurut Islam*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* USSN 2289 6325 Bil 15 2017 (Julai)

- Nurhafilah (2014) Penerapan Konsep Mas'uliyah Dan Amanah Dalam Pentadbiran Kea Rah Bersih Rasuah – Kajian Di Majlis Perbansaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB\_BRI) Jurnal Keputeraan Jilid 3 tahun 1435H/2014M
- Nur Syakiran Akmal, Md Zawawi. (2004). Rasuah ....? Katakan Tidak. Anjuran Jabatan Pengajian Umum: Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan University Utara Malaysia.
- Rahimah Abdullah. 2023. Indeks Persepsi Rasuah: Malaysia naik ke tangga 61, skor turun 1 mata. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/indeks-persepsi-rasuah-malaysia-naik-ke-tangga-61-skor-turun-1-mata-404384>
- Roberts AB (1994) Core values in a Quality Air Force. Airpower Journal, Summer 94, 8 (2).
- Sarah Dina, Mohd Adib Ismail. (2013). Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. Prosiding Perkem Viii, Jilid 1 (246 – 253): ISSN: 2231-962X.
- Shofian Ahmad. (2008). Jenayah Rasuah: Bentuk dan Hukum Menurut Islam. Al-Syariah, Jilid 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa danPustaka, h. 62-85.
- Sofea Azahar. (2021). Gaji tidak padan dengan kos sara hidup. <https://www.sinarharian.com.my/article/130814/KHAS/Pendapat/Gaji-tidak-padan-dengankos-sara-hidup>.  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Suhardi, M. (2016). Birokrasi Awam Pentadbiran Kabupaten Bintan Dan Penerapan Sumbangan Falsafah Budaya Melayu. Tesis PHD, Universiti teknologi Malaysia.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (2023). Statistik Tangkapan. [https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=97](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=97)
- Stanford Encyclopedia of Philosophy (2013) Integrity. <http://plato.stanford.edu/entries/integrity/>
- Syaripah Aaisyah Fahimah. 2017. Sanksi Kejahatan Korupsi Menurut (Akta) Undang-Undang Malaysia 694 Tahun 2009 Dan Fiqh Jinayah. Fakultas Syari'ah Dan Hukum Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah Palembang.

Syed Hussein Alatas. (2015). The problem of corruption. (Revised edition.). Kuala Lumpur: The Other Press Sdn. Bhd.

Transparency International. (n.d.). What is corruption?. <https://www.transparency.org/what-is-corruption>

Wartawan mediaisma. (2020). Bimbang karier terjejas antara punca penjawat awam takut lapor rasuah. <https://ismaweb.net/2020/12/09/bimbang-karier-terjejas-antara-punca-penjawatawam-takut-lapor-rasuah/>.

Widang I, Fridlund B (2003). Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients. Journal of Advanced Nursing 42 (1), p47p.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*